

KUALA LUMPUR, 28 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN TELAH MELULUSKAN GARIS DASAR MENGENAI PELUANG KENAIKAN PANGKAT BERDASARKAN PENGALAMAN DAN KEMAMPUAN BAGI KAKITANGAN DALAM SKIM PERKHIDMATAN DALAM KUMPULAN RENDAH UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN DALAM KUMPULAN LEBIH TINGGI.

PERDANA MENTERI BERKATA KELULUSAN ITU DIDUAT BARU-BARU INI DAN DENGAN ITU LANTIKAN KE KUMPULAN YANG LEBIH TINGGI TIDAK LAGI AKAN BERDASARKAN HANYA KEPADA KELAYAKAN AKADEMIK.

MISALNYA SESEORANG PEMBANTU TEKNIK DALAM KUMPULAN B BOLEH DILANTIKAN KE JAWATAN JURUTERA DALAM KUMPULAN A SEKIRANYA IA MEMPUYAI PENGALAMAN DAN KEMAMPUAN BAGI JAWATAN YANG TINGGI ITU.

BERUCAP MERASHIKAN PERSIDANGAN DUA TAHUNAN KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MTSU) DI SINI, BELIAU BERKATA PELUANG ITU JUGA AKAN TERBUKA KEPADA MEREKA DALAM KUMPULAN C DAN D UNTUK DILANTIKAN KE JAWATAN DALAM KUMPULAN YANG LEBIH TINGGI.

BELIAU MENEGASKAN, BAGAIMANAPUN, MEREKA YANG BENAR-BENAR BERPENGALAMAN DAN BERKEMAMPUAN SAHAJA YANG BERPELUANG DITIMBANGKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MENYANDANG JAWATAN DALAM KUMPULAN YANG LEBIH TINGGI ITU. -- LAGI 2030/ZCM
MAHATHIR-PANGKAT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LAZIMNYA MEREKA YANG BERPENGALAMAN ITU ADALAH MEREKA YANG TELAH BERJAYA UNTUK DIPERTIMBANGKAN BAGI MEMEGANG JAWATAN TINGKATAN KANAN, TINGKATAN KHAS DAN TINGKATAN TERTINGGI BAGI SATU-SATU JAWATAN ITU.

+JUSTERU ITU PARA PEKERJA AWAM HENDAKLAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN MEREKA MENJALANKAN TUGAS Masing-masing, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KAKITANGAN AWAM SEHARUSNYA BERTUAH KERANA MEMUTUSKAN LANGKAH INI WALAUPUN NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI.

KEPUTUSAN INI DIBUAT KERANA KEMELESETAN EKONOMI BUKANLAH ALASAN UNTUK TIDAK BERBUAT SESUATU BAGI KEPENTINGAN KAKITANGAN AWAM, TAMBAHNYA.

MENYENTUH TENTANG DASAR PENGSWASTAAN, BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MELAKSANAKANNYA DENGAN PENUH HATI-HATI DAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT.

+SEGALA KELEMAHAN PERINGKAT AWAL AKAN DIKAJI DAN DIATASI TETAPI SAYA YAKIN SEBAHAGIAN DARIPADA KAKITANGAN YANG TERLIBAT AKAN MEN-DAPAT KEUNTUNGAN SAMADA DARI SEGI KEWANGAN, PENGALAMAN BARU MAHU-PUN KEPUASAN BEKERJA DAN CABARAN BARU, + TEGASNYA. -- LAGI 2033/ZCM

ZCZC B687:

MAHATHIR-PANGKAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA MASALAH-MASALAH PERMULAAN MUNGKIN TIMBUL, TERUTAMA DARI KACA MATA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TETAPI BERHARAP KAKITANGAN YANG TERLIBAT AKAN SENTIASA MEMIKIRKAL SEMANGAT DAN TUJUAN KERAJAAN DALAM MELAKSANAKAN DASAR ITU.

BELIAU MENJELASKAN TUJUAN KERAJAAN ANTARA LAIN IALAH UNTUK MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN KERAJAAN DALAM MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN TERTENTU DAN JUGA BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN MENGURUSKANNYA.

+SELURUH RAKYAT TERMASUK KAKITANGAN YANG TERLIBAT DAN KELUARGA MEREKA AKAN MEMENKATI KEUNTUNGAN DARIPADA PERKHIDMATAN YANG BAIK, + TEGASNYA.

BELIAU YAKIN JIKA KEUNTUNGAN KEPADA NEGARA DAN RAKYAT UMUM SENTIASA DIFIKIRKAN, SEBARANG MASALAH DALAM PELAKSANAAN DASAR ITU TIDAK AKAN MENJADI ISU DAN PERSENGKATAAN.

SEBALIKNYA IA HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI BEBAN DAN CABARAN BERSAMA YANG HARUS DIATASI OLEH KERAJAAN, KESATUAN SEKERJA DAN PIHAK PENGURUSAN BADAN-BADAN BERKENAAN SECARA TERATUR, TENTERAM DAN MENGUNTINGKAN SEMUA PIHAK, TAMBAHNYA. -- LAGI 2040/ZCM

MAHATHIR-PANGKAT 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMILIH UNTUK MENGSWASTAKAN RANGKAIAN KETIGA TV DAN SISTEM AEROBUS -- KEDUADUANYA PERKHIDMATAN BARU DAN BELUM TERDAPAT KAKITANGAN YANG TERLIBAT KERANA MAHU BERHATI-HATI DALAM MELAKSANAKAN DASAR TERSEBUT.

'DENGAN CARA INI KITA DAPAT MEMPELAJARI DENGAN LEBIH MENDALAM SELOK-BELOK MENGENAI PENGSWASTAAN BAGI MENJAMIN KEJAYAANNYA,' TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SUPAYA LEBIH PEKA TERHADAP ISU-ISU YANG SEDANG DIPERJUANGKAN ATAU YANG MENDAPAT PERHATIAN KERAJAAN.

MENYEBUT DAYA PENGELUARAN SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERHARAP KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SEBAGAI SALAH SATU INSTITUSI YANG BERPENGARUH AKAN MENGGALAKKAN ANGGOTA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN.

BELIAU MENEGASKAN DAYA PENGELUARAN YANG LEBIH TINGGI SEHARUSNYA MENDAPAT SANJUNGAN BUKAN SAHAJA OLEH MAJIKAN TETAPI JUGA OLEH KESATUAN SEKERJA DAN MASYARAKAT.

FAKTOR UTAMA BAGI MENCAPAI CITA-CITA INI, MENURUTNYA, IALAH KERAJINAN DAN DEDIKASI DAN IA HARUS DIPUPUK DARI KALANGAN SETIAP PERINGKAT ANGGOTA KESATUAN SEKERJA.

-- LAGI 2109/LK

ZCZC 8692:

MAHATHIR-PANGKAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDAR BAHAWA PERNAH TERJADI PEKERJA YANG RAJIN DISINDIR ATAU DIANGGAP TIDAK MENGIKUTI NORMA KUMPULAN.

INI BERLAKU BUKAN SAJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM BAHKAN JUGA DALAM FIRMA SWASTA DAN INI MERUGIKAN, TAMBAHNYA.

BELIAU LALU MENYERU KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SUPAYA BERSAMA-SAMA MEMUPUK NILAI AGAR KERAJINAN DIMULIAI DAN DIHARGAI OLEH PARA ANGGOTA.

+DENGAN USAHA BERSAMA OLEH SEMUA PIHAK BAGI MENANAM TABIAT KERAJINAN INI, KITA BERHARAP DAYA PENGELUARAN NEGARA AKAN MENINGKAT DAN KITA AKAN MENCIPTA SATU ERA YANG LEBIH CERAH BAGI SEMUA,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA 2100/ZCM